



## Seminar Industri Kimia Dedah Peluang Kerja Kepada Pelajar



Dr. Sidek (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha pada Seminar Kimia Industri yang ke-13 (SKI XIII) baru-baru ini.

**SERDANG, 11 April** – Seminar Industri Kimia ke-13 telah memberi pendedahan peluang pekerjaan kepada 210 pelajar tahun akhir Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Pelajar UPM jurusan kimia tulen, petroleum dan industri telah didedahkan dengan tujuh kertas pembentangan oleh penceramah daripada industri cat (polimer), olekimia, petroleum dan gas asli.

Penceramah tersebut ialah Prof. Lee Yok Heng dari Institut Kimia Malaysia yang menyampaikan seminar bertajuk Institut Kimia Malaysia and Chemistry as a Profession in Malaysia, Husni Haim dari Jotun Malaysia (The Paint Industry: Applying Chemistry in Your Life), Dr. Azzi Ayob dari Innovax Sdn. Bhd (Profession as a Chemist) dan Dr. Mohd. Suria Affandi Yusoff dari Sime Darby (Sime Darby Research and Development Corporate Information).

Penceramah lain ialah Mohamad Abdul Hamid dari SBM Offshore menyampaikan seminar bertajuk The Oil and Gas Industry: What is it and where do you fit, Dzulkifly Mat Hashim dari Institut Penyelidikan Produk Halal UPM (Halal Science: Creating a Niche for Halal Products) dan Nor Aidora Saedon dari Jabatan Kimia Malaysia (Forensic Chemistry).

Dekan Fakulti Sains UPM, Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz berkata negara memerlukan pekerja mahir daripada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kerana industri kimia semakin berkembang.

"IPT dan industri perlu mempunyai persefahaman membentuk tenaga mahir yang diperlukan negara kerana penyelidikan IPT wajar dikomersilkan dengan bantuan industri," katanya.

Prof. Lee dari Institut Kimia Malaysia berkata kertas kerjanya berkisar mengenai perkembangan pendidikan, penyelidikan dan peluang pekerjaan dalam bidang kimia.

"Pelajar boleh melihat potensi diri dan kelayakan dengan bidang pekerjaan dalam industri kimia dan peluang ini harus digunakan dengan sebaiknya," katanya.

Sementara itu Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata permintaan terhadap hasil industri kimia terus berkembang kerana ia merangkumi pelbagai aspek kehidupan pengguna sama ada sebagai bahan mentah kepada industri lain atau sebagai produk pengguna.

"Usaha semua pihak yang terlibat memajukan lagi industri kimia di negara ini berupaya memastikan kekuatan dan kestabilan ekonomi negara bagi menghadapi cabaran ekonomi global yang sangat kompetitif," katanya.

Beliau berkata kerjasama antara universiti dan industri adalah faktor yang perlu diberi penekanan penting untuk memastikan kejayaan UPM diiktiraf sebagai universiti penyelidikan utama di dalam negara.

Pada seminar yang sama pelajar tahun akhir telah diberi peluang mempamerkan poster hasil penyelidikan yang dilengkapi dengan laporan saintifik.

Pelajar Bacelor Sains Kepujian Kimia Petroleum tahun tiga, Nurdyana Shaharudin berkata posternya adalah mengenai penyelidikan Glucosidation of Betulinic Acid Using Lypozyme as Catalyst.

"Kajian yang dibuat oleh ahli kumpulan saya ialah mengenai ubat anti-kanser untuk kanser paru-paru, otak dan usus," katanya.

Pelajar Bacelor Sains Kimia Perindustrian tahun tiga, Lee Kok Seng telah mempamerkan poster mengenai polimer baru bertajuk Preparation and Characterization of Poly(lactic Acid, Polyethylene, Clay Nanocomposite by Melt Blending yang boleh membuat anak patung plastik, pembungkusan, bahagian kereta dan beg.



Pelajar tahun akhir pengkhususan kimia tulen, kimia petroleum dan kimia industri menumpukan perhatian kepada penceramah pada seminar tersebut.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM